



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

JABATAN PENDAFTAR

Jalan UMS,
88400 Kota Kinabalu,
Sabah, Malaysia

Tel : +6088-320000
Faks : +6088-320243 / 320047
E-mel : papenums@ums.edu.my

Ruj. Kami : UMS/PEND2.1/100-1/7/2 Jilid 3 (41)

Tarikh : 22 Disember 2015

SEMUA KETUA JABATAN
(Senarai edaran seperti di lampirkan)

Y.Brs. Prof./Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan;

PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 10 TAHUN 2015: PERATURAN LALU LINTAS DI DALAM KAMPUS UMS

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama-sama ini disertakan Pekeliling Pendaftar Bilangan 10 Tahun 2015 yang jelas maksudnya mengenai perkara tersebut di atas untuk makluman dan tindakan lanjut pihak Y.Brs. Prof./Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan.

3. Mohon perkara ini dimaklumkan kepada semua kakitangan di J/F/P/I/U/B masing-masing. Pekeliling tersebut boleh dicapai melalui laman web Jabatan Pendaftar (<http://www.ums.edu.my/pendaftar/>).

Segala perhatian dan kerjasama dari pihak Y.Brs. Prof./Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan, dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang ikhlas,

TALIB ABDULLAH SHANI

Ketua
Bahagian Pentadbiran & Governan
Jabatan Pendaftar
b.p. Pendaftar

- s.k.:
- Y.Bhg. Prof. Datuk Naib Canselor
 - Y.Brs. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Y.Brs. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Y.Brs. Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Y.Brs. Pendaftar



SIRIM

Certified to ISO9001:2008
Cert. No: AR 3088



SENARAI EDARAN

1. Pemangku Bendahari, Jabatan Bendahari
2. Ketua Pustakawan, Perpustakaan
3. Pengarah UMS-Kampus Antarabangsa Labuan
4. Dekan Pusat Pengajian Pascasiswazah
5. Pemangku Dekan Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan
6. Dekan Fakulti Sains Dan Sumber Alam
7. Dekan Fakulti Perniagaan, Ekonomi Dan Perakaunan
8. Dekan Fakulti Kemanusiaan, Seni Dan Warisan
9. Dekan Fakulti Kejuruteraan
10. Dekan Fakulti Psikologi Dan Pendidikan
11. Dekan Fakulti Sains Makanan Dan Pemakanan
12. Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan
13. Dekan Fakulti Komputeraan Dan Informatik
14. Dekan Fakulti Pertanian Lestari
15. Dekan Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa
16. Pengarah Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan
17. Pengarah Institut Penyelidikan Marin Borneo
18. Pengarah Institut Penyelidikan Bioteknologi
19. Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi
20. Pengarah Pusat Pengurusan Strategik & Akademik
21. Pengarah Pusat Ko-Kurikulum & Pemasjuaan Pelajar
22. Pengarah Pusat Hubungan Industri
23. Pengarah Pusat Persediaan Sains dan Teknologi
24. Pengarah Pusat Perakaunan UMS
25. Pengarah Pusat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
26. Pengarah Pusat Kajian Strategik & Keselamatan Sabah
27. Pengarah Pusat Rawatan Warga
28. Pengarah Pusat Pengurusan *EcoCampus*
29. Pengarah Penerbit UMS
30. Pengarah Pusat Luar UMS
31. Pengarah Jabatan Pembangunan & Penyelenggaraan
32. Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi
33. Pengarah Pusat Sukan
34. Pengarah Pusat Islam UMS
35. Pengarah Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Keusahawanan
36. Pengarah Pusat Alumni
37. Pengarah Pusat Hal Ehwal Antarabangsa
38. Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar
39. Ketua Unit Kajian Bahan Dan Mineral
40. Ketua Unit Penyelidikan Tenaga
41. Ketua Unit Kajian Alga Bahaya
42. Ketua Unit Penyelidikan Rumpai Laut
43. Ketua Unit Penyelidikan Psikologi & Kesihatan Sosial
44. Ketua Unit Penyelidikan Tuberculosis
45. Ketua Unit Kajian Orkid
46. Ketua Unit Penyelidikan Ethnografi Dan Pembangunan
47. Ketua Unit Kecerdikan Buatan
48. Ketua Unit Warisan Penyelidikan Borneo
49. Ketua Unit Penyelidikan Perubatan Desa
50. Ketua Unit Kajian Bencana Alam
51. Ketua Unit Penyelidikan Air
52. Ketua Unit Penyelidikan Minyak Sawit Lestari
53. Ketua Unit Keselamatan Dan Kualiti Makanan
54. Ketua Unit Penyelidikan Pendidikan Luar Bandar
55. Ketua Unit Pembangunan Pelancongan BIMP-EAGA
56. Ketua Unit Penyelidikan Arkeologi Borneo
57. Ketua Unit Kajian Remote Sensing & Gis
58. Ketua Bahagian Perhubungan Korporat
59. Ketua Bahagian Sumber Manusia
60. Ketua Bahagian Perkhidmatan Akademik
61. Ketua Bahagian Perundangan & Integriti
62. Ketua Bahagian Pengurusan Maklumat
63. Ketua Bahagian Keselamatan
64. Ketua Bahagian Audit Dalam



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PEKELILING PENDAFTAR

Tarikh : 22 Dis 2015

Bil. 10/2015

Ruj : UMS/PEND2.1/100-1/7/2

PERATURAN LALU LINTAS DI DALAM KAMPUS UMS 2015

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini dikeluarkan bagi memaklumkan pemakaian Peraturan Lalu Lintas Di Dalam Kampus UMS 2015.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Peraturan lalu lintas yang sedia ada di UMS adalah Peraturan Universiti Malaysia Sabah (Peraturan-Peraturan Lalu Lintas di dalam Kampus) 2000 yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah UMS pada 15 Ogos 2000.
- 2.2 Peraturan ini dibuat bagi memansuhkan Peraturan Universiti Malaysia Sabah (Peraturan-Peraturan Lalu Lintas di dalam Kampus) 2000.
- 2.3 **Mesyuarat Lembaga Pengarah UMS Kali Ke-69 (Bil. 6/2015)** yang bersidang pada **17 November 2015** telah bersetuju dengan garis panduan ini.

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Peraturan ini terpakai kepada kakitangan dan pelajar Universiti.
- 3.2 Peraturan Lalu Lintas di dalam Kampus 2015 ini mengandungi tujuh (7) bahagian seperti berikut:
 - (a) Bahagian I – Permulaan
 - (b) Bahagian II – Kuasa dan Perlantikan
 - (c) Bahagian III – Permohonan & Kebenaran
 - (d) Bahagian IV – Larangan
 - (e) Bahagian V – Notis
 - (f) Bahagian VI – Denda
 - (g) Bahagian VII – Peruntukan Am

3.3 Peraturan ini menjelaskan—

- (i) Sekiranya kakitangan UMS tidak membayar denda yang dikenakan dalam tempoh yang ditetapkan, tindakan pemotongan gaji akan dilakukan dan ia direkod dalam buku rekod perkhidmatan kakitangan tersebut.
- (ii) Bagi pelajar, kegagalan membayar denda akan menyebabkan pelajar tersebut tidak dapat mendaftar pada semester berikutnya atau bergraduat sehinggalah denda berkenaan dibayar.
- (iii) Peraturan ini juga menyatakan pembayaran denda secara berperingkat dalam tempoh yang ditetapkan.
- (iv) Kuasa Naib Canselor melantik Penguatkuasa lalulintas yang mempunyai kuasa-kuasa tertentu seperti mengenakan denda kesalahan lalulintas, menahan apa-apa kenderaan daripada memasuki kawasan kampus dan mengunci roda kenderaan yang melakukan kesalahan lalulintas.
- (v) Peruntukkan berkaitan kesalahan-kesalahan lalulintas.

3.4 Penguatkuasaan Peraturan ini dijalankan oleh Bahagian Keselamatan UMS.

3.5 Peraturan Lalu Lintas Di Dalam Kampus UMS 2015 adalah seperti dalam **Lampiran**.

3.6 Maklumat lanjut mengenai peraturan ini boleh diperolehi di **Bahagian Keselamatan, Jabatan Pendaftar**.

4.0 PEMBATALAN

4.1 Dengan berkuat kuasa Pekeliling Pendaftar Bil. 10/2015 ini, Peraturan Universiti Malaysia Sabah (Peraturan-Peraturan Lalu Lintas di dalam Kampus) 2000 adalah dibatalkan.

5.0 TARIKH KUAT KUASA

5.1 Pekeliling ini berkuat kuasa mulai dari tarikh diluluskan oleh Lembaga Pengarah UMS iaitu pada 17 November 2015.

Sekian, Terima Kasih.

"BERTEKAD CEMERLANG"

Yang ikhlas,



NO MAN HJ. AHMAD
Pendaftar

Tarikh : **22** Disember 2015

- s.k. ☞ Naib Canselor
☞ Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
☞ Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
☞ Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar & Alumni)
☞ Fail



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**PERATURAN
LALU LINTAS DI DALAM KAMPUS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH 2015**

Diluluskan Dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah UMS Kali Ke-69
(Bil. 6/2015)
pada 17 November 2015

ISI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
BAHAGIAN I – PERMULAAN		
1.1	Tajuk Ringkas, Pemakaian dan Permulaan Kuat Kuasa	1
1.2	Pemansuhan	1
1.3	Peruntukan Pengecualian dan Peralihan	1
1.4	Tafsiran	1 - 3
BAHAGIAN II – KUASA DAN PERLANTIKAN		3
BAHAGIAN III – PERMOHONAN & KEBENARAN		
3.1	Kebenaran Bertulis Bagi Penggunaan Kenderaan Motor Di Dalam Kampus	4
3.2	Daftar Kenderaan Motor	4
BAHAGIAN IV – LARANGAN		
4.1	Menggunakan Kenderaan Motor Tanpa Kebenaran	5
4.2	Memandu Melebihi Had Laju	5
4.3	Memandu Kenderaan Motor Tidak di atas Jalanraya	5
4.4	Meletak Kenderaan Secara Menghalang	5
4.5	Menggunakan Ruang Letak Kenderaan Yang Diuntukkan	5
4.6	Meletak kenderaan bukan dimaksudkan sebagai tempat meletak kenderaan	6
4.7	Membonceng/Membawa Penumpang Melebihi Had	6
4.8	Menghalang Aliran Lalu Lintas	6
4.9	Tidak memakai tali pinggang kaleder atau /topi keledar	6
4.10	Tidak Mematuhi Arahan dan Isyarat Lalu Lintas	7
4.11	Gagal Mengemukakan Lesen Memandu,Kad Pekerja atau Kad Pelajar	7
4.12	Kenderaan motor tanpa Cukai Jalan/Insuran yang sah	7
4.13	Melanggar Akta Pengangkutan Jalan 1987	7
BAHAGIAN V – NOTIS		
5.1	Notis Pemberitahuan/Saman Kesalahan Lalulintas/Kenderaan dikunci Roda (<i>Clamp</i>)	8
BAHAGIAN VI –DENDA		
6.1	Bayaran Denda	8
6.2	Tidak Membayar Denda oleh Kakitangan	8
6.3	Tidak Membayar Denda oleh Pelajar	9
6.4	Merosakkan atau memusnahkan harta benda	9
6.5	Mengunci Roda Kenderaan	9
BAHAGIAN VII – PERUNTUKKAN AM		
7.1	Peruntukkan Am	10

Universiti Malaysia Sabah (Peraturan-peraturan Lalu Lintas di dalam Kampus) 2015

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Seksyen 4(1)(v) dan 38(5) Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah (P.U.(A) 460/2010), Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah membuat peraturan yang berikut :

BAHAGIAN I – PERMULAAN

1.1 Tajuk Ringkas, Pemakaian dan Permulaan Kuat Kuasa

1.1.1 Peraturan ini dinamakan Peraturan Lalu lintas di dalam Kampus Universiti Malaysia Sabah 2015 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah.

1.1.2 Peraturan ini hendaklah terpakai kepada kakitangan dan pelajar Universiti Malaysia Sabah.

1.2 Pemansuhan

1.2.1 Peraturan Universiti Malaysia Sabah (Peraturan-peraturan Lalu Lintas di dalam Kampus) 2000 adalah dimansuhkan.

1.3 Peruntukan Pengecualian dan Peralihan

1.3.1 Apa-apa tindakan yang telah disempurnakan oleh Penguat kuasa di bawah peraturan yang telah dimansuhkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan disifatkan telah dibuat dibawah peraturan ini dan terus berkuat kuasa dan mempunyai kesan.

1.4 Tafsiran

1.4.1 Di dalam peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“arahan lalu lintas” ertinya apa-apa perintah, arahan atau petunjuk oleh Naib Canselor atau seseorang yang diberi kuasa oleh Naib Canselor kepada mana-mana orang yang menggunakan jalan atau kenderaan di dalam kampus;

“harta benda” ertinya mana-mana isyarat lalu lintas, bangunan, binaan, kenderaan peralatan dan perkakasan yang dimiliki oleh Universiti;

“isyarat lalu lintas” ertinya isyarat, tiang isyarat amaran, tiang arahan isyarat atau tanda atau alat yang didirikan atau disediakan pada atau berhampiran dengan jalan untuk pengetahuan, panduan atau petunjuk orang-orang yang menggunakan jalan;

“jalan” ertinya mana-mana jalan yang berada di dalam kawasan kampus dan termasuklah jambatan, hentian sebelah, bulatan jalan, pulau lalu lintas, pembahagi jalan, segala lorong lalu lintas, bahu jalan, garis tengah dan juga tempat letak kereta;

“kakitangan” ertinya mana-mana orang yang diambil kerja oleh Universiti dibawah Perlembagaan Universiti [P.U.A (460/2010)] dan mana-mana statut dan termasuklah pegawai dan guru;

“kampus” ertinya kampus Universiti termasuklah semua asrama, institusi dan bangunan, kompleks kepunyaan atau sewaan universiti;

“kenderaan” ertinya suatu struktur yang boleh bergerak atau digerakkan atau digunakan bagi membawa mana-mana orang atau benda dan yang bersentuhan dengan permukaan bumi apabila bergerak;

“kenderaan motor” ertinya kenderaan daripada apa-apa perihalan, yang didorongi oleh jentera mekanisme yang terkandung di dalam badan kenderaan itu dan dibina atau disesuaikan supaya dapat digunakan di atas jalan, dan termasuklah treler;

“Naib Canselor” ertinya Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah;

“penguatkuasa lalu lintas” ertinya mana-mana kakitangan Universiti yang dilantik menjadi penguatkuasa lalu lintas di bawah peraturan 2.2;

“pelajar” termasuklah mana-mana pelajar pra-siswazah, pelajar pasca-siswazah, pelajar sambilan, pelajar di bawah

rancangan pengajian jarak jauh atau luar kampus, pelajar diploma, pelajar bukan siswazah dan pelajar-pelajar yang mengikuti kursus sepenuh masa atau sambilan di Universiti;

“Universiti” ertinya Universiti Malaysia Sabah.

BAHAGIAN II — Kuasa dan Perlantikan

- 2.1 Naib Canselor hendaklah mempunyai pengawasan dan arahan am bagi segala perkara berhubung dengan penguatkuasaan peraturan ini.
- 2.2 Naib Canselor hendaklah melantik secara bertulis mana-mana kakitangan sebagai penguatkuasa lalu lintas.
- 2.3 Penguatkuasa lalu lintas mempunyai kuasa yang berikut:
 - (a) melarang, menghalang dan menahan mana-mana kenderaan bermotor yang tidak memenuhi peraturan 3.1 daripada memasuki kawasan kampus;
 - (b) menahan mana-mana kenderaan daripada memasuki kawasan kampus seperti yang diarahkan oleh Naib Canselor;
 - (c) menahan mana-mana kenderaan yang memasuki kampus yang melanggar mana-mana peruntukan di dalam Peraturan ini;
 - (d) mengenakan denda kesalahan lalulintas kepada mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah mana-mana peruntukan di dalam Peraturan ini;
 - (e) mengunci roda kenderaan (*clamp*) mengikut peraturan 6.5;
 - (f) mengambil apa-apa jua tindakan lain yang diarahkan oleh Naib Canselor bagi menguatkuasa Peraturan ini dari semasa ke semasa.
- 2.4 Naib Canselor boleh mewakilkan apa-apa kuasanya di bawah peraturan ini kepada mana-mana kakitangan.

BAHAGIAN III — Permohonan & Kebenaran

3.1 Kebenaran Bertulis Bagi Penggunaan Kenderaan Motor Di Dalam Kampus

3.1.1 Kakitangan atau pelajar yang bercadang menggunakan kenderaan motor di dalam hendaklah, memohon kepada Naib Canselor dan mendapatkan suatu kebenaran bertulis berkenaan dengannya; permohonan dan kebenaran bertulis itu hendaklah dalam borang atau kaedah sebagaimana yang ditetapkan oleh Naib Canselor.

3.1.2 Kakitangan atau pelajar yang telah mendapat kebenaran dan mendaftar mengikut peraturan 3.1.1 hendaklah mempamerkan di kenderaan yang telah didaftarkan itu suatu pelekat atau tanda yang ditentukan oleh Naib Canselor.

3.1.3 Kebenaran itu hendaklah diperbaharui pada setiap tahun dan peruntukan subperaturan 3.1.1 dan 3.1.2 hendaklah terpakai *mutatis mutandis* bagi sesuatu permohonan untuk pembaharuan.

3.1.4 Naib Canselor boleh enggan memberi kebenaran atau membatalkan apa-apa kebenaran yang diberikan di bawah peraturan ini jika dia berpuas hati bahawa kebenaran atau pembatalan apa-apa kebenaran yang diberikan itu adalah untuk kepentingan universiti.

3.2 Daftar Kenderaan Motor

Naib Canselor hendaklah menyebabkan supaya disenggarakan suatu daftar bagi semua kenderaan motor yang dipunyai oleh kakitangan atau pelajar di dalam kampus dalam apa-apa bentuk yang difikirkan patut oleh Naib Canselor.

BAHAGIAN IV — Larangan

4.1 Menggunakan Kenderaan Motor Tanpa Kebenaran

Tiada kakitangan atau pelajar yang boleh memandu sesebuah kenderaan motor dalam kampus tanpa kebenaran Naib Canselor seperti dinyatakan pada peraturan 3.1.

4.2 Memandu Melebihi Had Laju

Tiada kakitangan atau pelajar yang boleh memandu sesebuah kenderaan motor dalam kampus pada kelajuan yang lebih daripada yang ditunjukkan oleh isyarat lalulintas.

4.3 Memandu Kenderaan Motor Tidak di atas Jalanraya

Tiada kakitangan atau pelajar boleh memandu kenderaan motor di mana-mana tempat kecuali di bahagian jalan yang digunakan sebagai jalan laluan bagi kenderaan motor; khususnya, tiada kenderaan motor boleh dipandu di laluan kecemasan, di atas laluan jalankaki, bahu jalan, atas rumput, koridor, beranda, kaki lima, laman dalam atau dalam mana-mana bahagian mana-mana bangunan atau tempat lain sama ada di sisi jalan laluan atau selainnya, yang biasanya tidak dimaksudkan atau tidak disediakan secara khas untuk laluan kenderaan motor.

4.4 Meletak Kenderaan Secara Menghalang

Tiada kakitangan atau pelajar boleh meletak apa-apa kenderaan di mana-mana tempat atau dalam apa-apa cara yang menyebabkan bahaya halangan atau kesulitan kepada mana-mana orang atau kenderaan motor lain.

4.5 Menggunakan Ruang Letak Kenderaan Yang Diuntukkan

Jika suatu ruang letak kenderaan diuntukkan bagi kenderaan motor tertentu, tiada kakitangan atau pelajar boleh meletak kenderaan lain dalam ruang letak kenderaan itu.

4.6 Meletak kenderaan bukan dimaksudkan sebagai tempat meletak kenderaan

Tiada kakitangan atau pelajar boleh meletak kenderaan motor di mana-mana tempat kecuali ditempat yang dimaksudkan sebagai tempat meletak kenderaan.

4.7 Membonceng/Membawa Penumpang Melebihi Had

4.7.1 Seseorang kakitangan atau pelajar yang memandu motosikal beroda dua tidak boleh membawa lebih daripada seorang di atas motosikal itu.

4.7.2 Tiada seseorang kakitangan atau pelajar boleh membawa seseorang di atas motosikal beroda dua melainkan jika orang itu duduk menunggang motosikal itu di belakang pemandu itu di atas tempat duduk yang direka bentuk dengan sempurna yang dipasang dengan kukuh pada motosikal itu.

4.7.3 Seseorang kakitangan atau pelajar tidak boleh membenarkan dirinya dibawa di atas motosikal beroda dua yang dipandu oleh seseorang, samaada seorang kakitangan, atau pelajar yang melanggar dengan subperaturan 4.7.1 dan 4.7.2.

4.8 Menghalang Aliran Lalu Lintas

Seseorang kakitangan atau pelajar tidak boleh berkelakuan dalam apa-apa cara, atau melakukan apa-apa perbuatan, yang menghalang atau mengganggu perjalanan lalu lintas yang licin dan teratur dalam kampus.

4.9 Tidak memakai tali pinggang kaleder atau /topi keledar

Mengikut mana yang berkenaan, seseorang kakitangan atau pelajar hendaklah memakai tali pinggang kaledar/topi kaledar semasa memandu/menaiki kenderaan motor di dalam kampus.

4.10 Tidak Mematuhi Arahan dan Isyarat Lalu Lintas

Seseorang kakitangan atau pelajar hendaklah mematuhi semua arahan dan isyarat lalu lintas dalam kampus.

4.11 Gagal Mengemukakan Lesen Memandu, Kad Pekerja atau Kad Pelajar

4.11.1 Mana-mana kakitangan atau pelajar yang memandu atau yang menjaga atau mengawal sesebuah kenderaan motor hendaklah membawa bersamanya suatu lesen memandu yang sah yang dikeluarkan kepadanya di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333).

4.11.2 Mana-mana kakitangan atau pelajar hendaklah membenarkan lesen memandu, kad pekerja atau kad pelajar (jika berkaitan) diperiksa oleh penguatkuasa lalulintas.

4.12 Kenderaan motor tanpa Cukai Jalan/Insuran yang sah

Seseorang kakitangan atau pelajar hendaklah memandu/menunggang kenderaan motor yang mempunyai cukai jalan dan insuran yang sah.

4.13 Melanggar Akta Pengangkutan Jalan 1987

Seseorang kakitangan atau pelajar yang melanggar mana-mana peruntukkan Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) atau mana-mana undang-undang bertulis yang berkuatkuasa dianggap sebagai melakukan kesalahan di bawah peraturan ini.

BAHAGIAN V — Notis

5.1 Notis Pemberitahuan/Saman Kesalahan Lalulintas/Kenderaan dikunci Roda (*Clamp*)

Penguatkuasa Lalulintas hendaklah memberikan notis—

- (a) seperti pada *Jadual 1* kepada mana-mana kakitangan atau pelajar yang melanggar mana-mana peruntukan pada Peraturan ini.
- (b) seperti pada *Jadual 2* kepada mana-mana kakitangan atau pelajar yang melakukan kesalahan di bawah peraturan 4.1, 4.4, 4.5 dan 4.6.

BAHAGIAN VI — Denda

6.1 Bayaran Denda

- 6.1.1 Seorang kakitangan atau pelajar yang melanggar mana-mana peraturan ini atau mana-mana garis panduan, arahan, petunjuk, sekatan, syarat atau terma yang dikenakan atau diberikan di bawah peraturan-peraturan ini, adalah melakukan sesuatu kesalahan dan boleh dikenakan denda.
- 6.1.2 Denda hendaklah dibayar oleh kakitangan atau pelajar yang berkenaan kepada Bendahari mengikut tempoh, tarikh dan jumlah yang dinyatakan pada *Jadual 3*.

6.2 Tidak Membayar Denda oleh Kakitangan

- 6.2.1 Jika kakitangan tidak membayar denda dalam tempoh 60 hari dari tarikh denda dikeluarkan, penguatkuasa lalu lintas hendaklah melaporkannya kepada Pendaftar.
- 6.2.2 Pendaftar apabila menerima laporan daripada penguatkuasa lalulintas di bawah subperaturan 6.2.1 hendaklah mengeluarkan arahan pemotongan gaji kakitangan berkenaan kepada Bendahari.

6.2.3 Kakitangan yang dendanya dibayar melalui pemotongan gaji hendaklah direkodkan kesalahannya di dalam buku rekod perkhidmatan kakitangan tersebut.

6.3 Tidak Membayar Denda oleh Pelajar

Walaupun yang dinyatakan di dalam Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Sabah (Tatatertib pelajar-pelajar) 1999, kegagalan pelajar membayar denda akan menyebabkan pelajar tidak dapat mendaftar pada semester berikutnya atau bergraduat sehinggalah denda berkenaan dibayar.

6.4 Merosakkan atau memusnahkan harta benda

Mana-mana kakitangan atau pelajar yang menggunakan kenderaan dalam kawasan kampus telah merosakkan atau memusnahkan harta benda Universiti atas sebab kecuaiian atau akibat daripada kesalahan lalu lintas yang terkandung dalam peraturan ini dikehendaki membayar balik sejumlah wang mengikut nilai harta benda yang dirosakkan atau dimusnahkan seperti mana yang ditentukan oleh Naib Canselor.

6.5 Mengunci Roda Kenderaan

Penguatkuasa lalulintas boleh mengambil tindakan mengunci roda kenderaan motor yang melanggar peraturan 4.1, 4.4, 4.5 dan 4.6 dengan cara seperti berikut:

- (a) mengunci roda kenderaan berkenaan;
- (b) mengeluarkan notis pemberitahuan kesalahan dikunci roda mengikut *Jadual 2*; dan
- (c) membuka kunci roda kenderaan selepas pembayaran disahkan telah dibuat.

BAHAGIAN VII — Peruntukkan Am

7.1 Peruntukkan Am









7.1.1 Peraturan ini hanya tertakluk terhadap semua kesalahan dan pelanggaran lalu lintas di kawasan kampus atau apa-apa kawasan atau bangunan yang dijadikan premis atau bangunan Universiti Malaysia Sabah.

7.1.2 Tiada apa-apa jua dalam peraturan ini boleh mengurangkan tanggungan mana-mana undang-undang bertulis yang berkuatkuasa.

Dibuat pada 17 November 2015







PERENGGAN 5.1 (a)
JADUAL 1

Notis Pemberitahuan/Saman Kesalahan Lalu Lintas

  				
				
NO KOMPAUN : B000000001				
TARIKH	: 10-08-2015	WAKTU:	8.30AM	
NO. KENDERAAN	: SAB1234A			
JENIS KENDERAAN	: KERETA			
MODEL KENDERAAN	: PROTON SAGA			
TEMPAT KESALAHAN	: FAKULTI SAINS DAN SUMBER MANUSIA			
NO. SIRI PELEKAT	: MP0123			
<p>Kepada pemandu/pemilik kenderaan berdaftar kereta motor di atas. Dengan ini adalah diberitahu kereta motor tuan/uan telah dilaporkan dengan kesalahan seperti berikut :-</p>				
NAMA	: ATAN BIN ATUN			
NO PER / PELAJAR	: BK08110283	MYKAD/PASPOT:	880121-12-1234	
JFPIU	: FAKULTI SAINS DAN SUMBER ALAM			
KESALAHAN 1	: PERATURAN 4.5			
CATATAN	: MELETAK KENDERAAN DI PARKIR DEKAN			
KADAR BAYARAN DENDA				
KESALAHAN	BAYARAN DALAM TEMPOH 7 HARI (RM)	BAYARAN DALAM TEMPOH 8 HINGGA 14 HARI (RM)	BAYARAN DALAM TEMPOH 15 HINGGA 30 HARI (RM)	BAYARAN DALAM TEMPOH 31 HINGGA 60 HARI (RM)
1	10.00	15.00	20.00	30.00
2	20.00	30.00	40.00	50.00
3	20.00	30.00	40.00	50.00
JUMLAH	50.00	75.00	100.00	130.00
Tindakan selepas 60 hari dari tarikh saman dikeluarkan :				
1. Kakitangan – Potong gaji.				
2. Pelajar – Tidak dapat mendaftar pada semester berikutnya atau bergraduat sehinggalah denda berkenaan dibayar.				
NO. PEN : PB70221				
				
  		POLIS BANTUAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH KERATAN UNTUK CATATAN / RESIT KOMPAUN		
NO. KOMPAUN : B000000001		KETUA POLIS BANTUAN		
NO KAD PER/PELAJAR : 880121-12-1234		IBU PEJABAT POLIS BANTUAN UMS		
NO. KENDERAAN : SAB1234A				

PERENGGAN 5.1 (b)
JADUAL 2

KESALAHAN MELETAK KENDERAAN
(KENDERAAN DIKUNCI RODA "CLAMP")

 UMS UNIVERSITI MALAYSIA SABAH 	
	
NO KOMPAUN : B000000001	
TARIKH	: 10-08-2015 WAKTU: 8.30AM
NO. KENDERAAN	: SAB1234A
JENIS KENDERAAN	: KERETA
MODEL KENDERAAN	: PROTON SAGA
TEMPAT KESALAHAN	: FAKULTI SAINS DAN SUMBER MANUSIA
NO. SIRI PELEKAT	: MP0123
Kepada pemandu/pemilik kenderaan berdaftar kereta motor di atas. Dengan ini adalah diberitahu kereta motor tuan/puan telah dikunci roda kerana didapati melakukan seperti berikut :-	
KESALAHAN 1	: PERATURAN 4.5
CATATAN	: MELETAK KENDERAAN DI PARKIR DEKAN
Tuan/Puan dikehendaki membayar denda sebanyak RM 50.00 di Pejabat Polis Bantuan UMS untuk urusan selanjutnya. Sila hubungi no. telefon 088-320000 samb. 613299.	
NO. PENGUATKUASA : PB70221	
	
 UMS UNIVERSITI MALAYSIA SABAH 	
POLIS BANTUAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH KERATAN UNTUK CATATAN / RESIT KOMPAUN	
NO. KOMPAUN	: B000000001
NO KAD PER/PELAJAR	: 880121-12-1234
NO. KENDERAAN	: SAB1234A
KETUA POLIS BANTUAN IBU PEJABAT POLIS BANTUAN UMS	

**PERENGGAN 6.1.2
JADUAL 3**

JADUAL PENYATA KESALAHAN DAN DENDA

JENIS KESALAHAN	JUMLAH DENDA (RM)	BAYARAN DALAM TEMPOH 7 HARI	BAYARAN DALAM TEMPOH 14 HARI	BAYARAN DALAM TEMPOH 30 HARI	BAYARAN SELEPAS 30 HARI
Menggunakan kenderaan motor tanpa kebenaran (peraturan 4.1)	50.00	20.00	30.00	40.00	50.00
Memandu melebihi had laju. (peraturan 4.2)	30.00	10.00	15.00	20.00	30.00
Memandu kenderaan motor tidak di atas jalanraya. (peraturan 4.3)	20.00	5.00	10.00	15.00	20.00
Meletak kenderaan secara menghalang. (peraturan 4.4)	20.00	5.00	10.00	15.00	20.00
Menggunakan ruang letak kenderaan yang diuntukkan. (peraturan 4.5)	30.00	10.00	15.00	20.00	30.00
Meletak kenderaan bukan di tempat yang dimaksudkan sebagai tempat meletak kenderaan. (peraturan 4.6)	30.00	10.00	15.00	20.00	30.00
Membonceng/membawa penumpang melebihi had. (peraturan 4.7)	20.00	5.00	10.00	15.00	20.00
Menghalang aliran lalulintas. (peraturan 4.8)	30.00	10.00	15.00	20.00	30.00
Tidak memakai tali pinggang keledar/topi keledar(peraturan 4.9)	30.00	10.00	15.00	20.00	30.00
Tidak mematuhi arahan dan isyarat lalulintas di dalam kampus (peraturan 4.10)	20.00	5.00	10.00	15.00	20.00
Gagal mengemukakan lesen memandu (peraturan 4.11)	50.00	20.00	30.00	40.00	50.00
Kenderaan motor tanpa cukai jalan/insuran yang sah (peraturan 4.12)	50.00	20.00	30.00	40.00	50.00
Melanggar peraturan lain di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987. (peraturan 4.13)	20.00	5.00	10.00	15.00	20.00

PERKARA	JUMLAH DENDA (RM)
Bayaran membuka kunci roda kenderaan dibawah peraturan 6.6	50.00